

Index
No.

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS1EN/1

SECONDARY 1 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 3

BAHASA MELAYU
(KERTAS 1)

MALAY
(PAPER 1)

Additional Materials: Writing Paper

Total Time: 2 h

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Do not turn over this page until you are told to do so.
2. Follow all instructions carefully.
3. Write your answer in the Answer Book provided.
4. An approved dictionary may be used.




This question paper consists of 3 printed pages.

Jawab **dua** soalan, satu daripada **Bahagian A** dan satu daripada **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan: Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan berikut.

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.



The screenshot shows an email client interface. At the top, there is a toolbar with icons for menu, folders, mail, trash, compose, star, lock, reply, reply all, and print. Below the toolbar, the email header is displayed in three rounded rectangular boxes: 'Kepada: Fatimah-Mokhsin@gmail.com', 'Daripada: Ariq-Idham@pintar.com', and 'Subjek: Masalah dengan Sahabat'. Below the header, the date 'Tarikh: 26 Oktober 2010' is shown. The body of the email starts with 'Fatimah,' followed by a paragraph: 'Apa khabar? Saya berharap awak dalam keadaan sihat sejahtera. Sudah lama saya tidak menulis e-mel kepada awak. Semenjak belajar di sekolah menengah, saya begitu sibuk sekali. Apakan lagi dengan kegiatan kokurikular dan juga projek yang diberikan oleh guru. Saya perlu pandai membahagikan masa supaya tidak rasa tertekan. Bagaimana dengan awak Fatimah?'. The next paragraph reads: 'Tujuan saya mengiriskan e-mel ini adalah untuk mendapatkan nasihat daripada awak. Saya agak tertekan dan sedih sekali kerana baru-baru ini, saya telah bertengkar dengan seorang rakan kerana kami tidak setuju dengan pendapat masing-masing untuk projek bahasa Melayu. Dia menuduh dan memberitahu rakan-rakan yang lain bahawa saya mementingkan diri sendiri. Dia juga telah mengeruhkan nama baik saya di laman-laman media sosial.'. The third paragraph says: 'Haruskah saya bertemu empat mata dengannya? Saya tidak mahu persahabatan kami terputus begitu sahaja tetapi pada masa yang sama, saya ingin membersihkan nama baik saya. Apa yang harus saya lakukan? Baiklah, sampai di sini sahaja. Saya harap awak dapat membantu saya menyelesaikan masalah ini.'. The email ends with 'Yang benar' and 'Ariq'.

Kepada: Fatimah-Mokhsin@gmail.com

Daripada: Ariq-Idham@pintar.com

Subjek: Masalah dengan Sahabat

Tarikh: 26 Oktober 2010

Fatimah,

Apa khabar? Saya berharap awak dalam keadaan sihat sejahtera. Sudah lama saya tidak menulis e-mel kepada awak. Semenjak belajar di sekolah menengah, saya begitu sibuk sekali. Apakan lagi dengan kegiatan kokurikular dan juga projek yang diberikan oleh guru. Saya perlu pandai membahagikan masa supaya tidak rasa tertekan. Bagaimana dengan awak Fatimah?

Tujuan saya mengiriskan e-mel ini adalah untuk mendapatkan nasihat daripada awak. Saya agak tertekan dan sedih sekali kerana baru-baru ini, saya telah bertengkar dengan seorang rakan kerana kami tidak setuju dengan pendapat masing-masing untuk projek bahasa Melayu. Dia menuduh dan memberitahu rakan-rakan yang lain bahawa saya mementingkan diri sendiri. Dia juga telah mengeruhkan nama baik saya di laman-laman media sosial.

Haruskah saya bertemu empat mata dengannya? Saya tidak mahu persahabatan kami terputus begitu sahaja tetapi pada masa yang sama, saya ingin membersihkan nama baik saya. Apa yang harus saya lakukan? Baiklah, sampai di sini sahaja. Saya harap awak dapat membantu saya menyelesaikan masalah ini.

Yang benar

Ariq

2. Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Baru-baru ini kamu terserempak dengan beberapa pelajar menghisap rokok di luar kawasan sekolah. Sebagai seorang pelajar sekolah itu, kamu ingin pengetua melakukan sesuatu tentang hal tersebut.

Tulis e-mel kepada pengetua untuk menyuarakan tentang kesan daripada perbuatan mereka yang boleh merosakkan imej baik sekolah. Berikan beberapa saranan kepada pengetua untuk mengatasi masalah itu.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: Izzan-Dasuki@e-mail.com

Alamat penerima: Kim_Yong_Chol@hillview.edu.sg

BAHAGIAN B (40 markah)

Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 200 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

3. Baru-baru ini, kamu dan rakan-rakan telah memungut derma untuk sebuah badan amal yang menjaga warga emas. Gambarkan pengalaman dan perasaan kamu.
4. Tulis sebuah cerita tentang satu peristiwa di mana kamu dicabarkan oleh seorang rakan untuk melakukan perbuatan yang tidak elok.
5. Tulis sebuah karangan **bermula** dengan:

“Aku dan kawan-kawanku sedang bergurau senda di atas bot laju sedang kami menuju ke tengah laut. Kami bercadang untuk menangkap ikan untuk makan malam. Tiba-tiba, enjin bot”

SELESAI